

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HMP 303 Psikologi Bahasa (Penerapan kepada  
Bahasa Malaysia)

---

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DALAM LIMA [5] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan. SOALAN NO. 1 adalah WAJIB dan pilih mana-mana TIGA [3] daripada yang lain.

1. Soalan 1 adalah berdasarkan data yang dilampirkan. (Sila kembalikan data bersama-sama dengan kertas jawapan anda).

Analisis penyebutan kanak-kanak Melayu bagi sebahagian daripada perkataan-perkataan bahasa ibundanya. Apakah yang anda dapat lihat dan perkatikan tentang strategi dan penguasaan sebutan kanak-kanak tersebut dalam percubaannya menyebut perkataan bahasa ibundanya dengan sempurna? Kaitkan juga dapatan analisis anda dengan kajian yang berkaitan daripada kanak-kanak bahasa lain.

(40 markah)

2. Apakah itu Kaedah Interpretasi Kaya? Dengan menggunakan contoh yang sesuai dan memadai, sama ada daripada ujaran satu atau dua kata kanak-kanak, jelaskan bagaimana kaedah tersebut dapat membantu membongkar hal-hal berhubung dengan aspek tata bahasa, seperti subjek predikat, objek dan fungsi semantik, pada peringkat awal perkembangan bahasa kanak-kanak.

(20 markah)

3. Jelaskan pertalian tahap-tahap kematangan sistem saraf otak manusia dengan peringkat-peringkat perkembangan bahasa (mungkin dalam aspek fonetik, semantik, atau sintaksis) dan kognisi kanak-kanak. Nyatakan juga implikasi penemuan ini ke atas sikap ibu bapa, pendidik, penulis buku bacaan prasekolah, pembuat barang mainan, dan perancang kurikulum prasekolah di dalam membantu meningkatkan tahap penguasaan bahasa dan mental kanak-kanak.

(20 markah)

4. Penyokong-penyokong teori nativisme-Chomsky telah menolak penjelasan penyokong teori behaviorisme-Skinner tentang bagaimana kanak-kanak memperoleh bahasa ibunya. Apakah yang didakwa oleh penyokong teori behaviorisme-Skinner berhubung dengan hal pemerolehan bahasa kanak-kanak? Bagaimanakah pula penyokong teori nativisme-Chomsky menolak dakwaan tersebut? Sejauhmanakah pula penyokong teori nativisme-Chomsky dan behaviorisme-Skinner berkompromi? (20 markah)

5. Ujaran kanak-kanak

Maksud/Situasi Ujaran

tumpah

'tumpah' diujarkan apabila:

- a. bekas yang berisi makanan terbalik dan makanan tersebut berterabur di atas lantai atau meja.
- b. bekas yang berisi minuman atau kuah terbalik, dan benda tersebut tumpah di atas lantai.
- c. bakul barang mainan terbalik, dan barang-barang tersebut bersepah di atas lantai.
- d. bekas yang berisi baju terbalik dan baju-baju tersebut bersepah di atas lantai.

Berdasarkan penelitian anda terhadap data di atas, jelaskan bagaimana kanak-kanak Melayu yang berusia lingkungan 2 - 2 1/2 tahun memberi makna dan menggunakan perkataan tumpah.

Juga daripada kajian dan bacaan yang relevan, beri huraian umum tentang perkembangan kosa kata dan semantik kanak-kanak di peringkat awal perkembangan bahasanya.

(20 markah)

.../3

.../LAMPIRAN

LAMPIRAN

Data bagi Soalan No. 1

(Data berikut diambil daripada ujaran sekumpulan kanak-kanak Melayu dalam lingkungan usia di antara 15 - 30 bulan).

Sebutan Kanak-kanak

Perkataan Orang Dewasa Melayu

ma?	emak
ayah	ayah
bah	abah
tə	kereta
tan	ikan
taʃ	atas
wah	bawah
ata?	katak
ayu	kayu
akan	makan
yon	turun
kot	ikut, takut
agen	daging
ampay	sampai
diyo	radio
abeʃ	habis
nat	penat
akay	pakai
aʃu	baju
bay-bay	bye-bye
əɟay	kedai
tutu, ʃuʃu	susu

ton	potong
toʔ	masuk
pəyastiʔ	plastik
agi	bagi
ʒaket	sakit
token	stokin
taɖap <sub>n</sub>	sedap
oyeh	boleh
ɖaʃ <sub>n</sub>	pedas
puwap	suap
ukeʃ	lukis
əteʔ	betik
ayan	jalan
ʒam	jam
ato ato	tomato
əpon	tepung
kət	coklat
atəŋ	datang
təyo	telur
katot	kasut
kuwet	kulit
əyi	bateri
ʒiɖay	sidai
əʒeh	bersih
buwat	buat
kuweh, tuweh	kuih
ɖiyə	dia
boboh	bubuh

pat	lipat
kayi	kari
bətoy	betul
aʃan	azan
ambu	jambu
ʃayi	cari
tayθ	tuala
taya	tayar
aka	bakar
tintaŋ	bintang
beyon	belon
tita	gitar
baʃikay	bisikal
uyat	ulat
dodo?	duduk
eko	ekor
ampu	lampu
oko?	pokok
akaŋ	belakang
top	tutup
buwo?	buruk
baʃ	bas
ayap	asap
atayi	matahari
ʃiyap	siap
ampah	sampah
aʃah	basah
ido	tidor